

NO. SOALAN: 167

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL
GHAPUR BIN HAJI SALLEH [KALABAカン]**

RUJUKAN : 8718

SOALAN :

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]
minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kementerian
maklum bahawa jumlah caj levi yang tinggi antara penyebab ramainya
pekerja asing tanpa dokumen perjalanan di negeri Sabah.

JAWAPAN :

Kerajaan berpandangan dakwaan mengenai jumlah caj levi yang tinggi merupakan penyebab ramainya pekerja asing tanpa dokumen perjalanan di negeri Sabah adalah tidak tepat. Kadar levi yang dikenakan dirasakan masih kompetitif. Kadar bayaran levi yang dikenakan juga berbeza mengikut sektor-sektor seperti berikut :

BIL.	SEKTOR	KADAR LEVI (RM)
i.	Perkhidmatan	1,490.00
ii.	Pembinaan	1,010.00
iii.	Perkilangan	1,010.00
iv.	Perlادangan	590.00
v.	Pertanian	410.00

Keutamaan penggajian adalah untuk rakyat tempatan. Malah, kelulusan yang diberikan kepada majikan untuk menggajikan pekerjaan juga merupakan suatu kemudahan yang telah diberikan kepada majikan yang tidak dapat menampung kekosongan dengan menggajikan pekerja tempatan. Kerajaan berpandangan pihak majikan perlu lebih bertanggungjawap dan tidak menganggap bayaran levi sebagai suatu bebanan kepada mereka. Mana-mana majikan yang masih enggan mengikuti peraturan yang telah ditetapkan, boleh diambil tindakan di bawah Akta Imigresen 1959/63.